

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN KANAK-KANAK DALAM KALANGAN GURU TABIKA KEMAS: SATU KAJIAN KUALITATIF**

**Sylvester Ronny Anak Pulene**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

*Corresponding Author's Email: sylvester88@gurumalaysia.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 20 Mei 2022*

*Accepted : 12 Jun 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berpusatkan kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam merancang aktiviti PdP. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Seramai lima orang guru TABIKA KEMAS yang mengajar di sekitar Zon Selatan, Semenanjung Malaysia dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh data kajian melalui temu bual. Data temu bual dikumpul dan diurus menggunakan perisian Nvivo7. Kesahan data dilakukan secara memeriksa kesan penyelidik, bertaklimat dengan rakan sejawat dan pengesahan daripada peserta kajian. Kebolehpercayaan data pula diperoleh melalui *audit trail* dan mendapatkan perakuan pakar berasaskan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua sumber kaedah pengajaran dan pembelajaran, iaitu kaedah pembelajaran kolaborasi dan kaedah pembelajaran secara *hands-on*. Dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan belajar sambil bermain, pendekatan bertema dan pendekatan projek. Manakala, dari segi jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM) pula adalah BBM berbentuk elektronik, BBM bukan elektronik dan BBM jenis mautud. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk meningkat pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru di Malaysia.

**Kata Kunci:** Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran, Guru TABIKA KEMAS.

## ***CHILD-CENTERED TEACHING AND LEARNING AMONG KINDERGARTEN TEACHERS: A QUALITATIVE STUDY***

### **ABSTRACT**

*Child-centered Teaching and Learning plays a significant role in planning PdP activities. This study aims to explore and analyze the implementation of child-centered teaching and learning among KEMAS kindergarten teacher. A total of five KEMAS kindergarten teachers who teach around the Southern Zone, Peninsular Malaysia were selected as participants in this study. This qualitative study uses a case study design to obtain study data through interviews. Interview data were collected and managed using Nvivo7 software. Validity of the data was done by examining the researcher's impact, briefing with colleagues and validation from study participants. The reliability of data was obtained through trail audit and obtaining expert based on the agreement value of Cohen Kappa coefficient. Overall, the findings show that there are two sources of teaching and learning methods, namely collaborative learning methods and hands-on learning methods. In terms of teaching and learning approaches, the findings of the study indicate that*

*teaching and learning approaches such as learning while playing approach, thematic approach and project approach. Meanwhile, in terms of the types of teaching aids, they are electronic teaching aids, non-electronic teaching aids and existing types of teaching aids. It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to improve child-centered teaching and learning among kindergarten teachers in Malaysia.*

**Keywords:** *Teaching and learning approaches, KEMAS kindergarten teachers.*

## **PENGENALAN**

Mutu pendidikan sedikit sebanyak bergantung kepada kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah. Melihat betapa pentingnya PdP dapat mempengaruhi keberkesanan aktiviti pembelajaran yang dijalankan maka KPM melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum telah memasukkan strategi PdP berpusatkan kanak-kanak di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2017 untuk menggantikan PdP tradisional yang lebih berpusatkan kepada guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Menurut Nurul Haniza, Puteri Roslina dan Nur Azimah (2019), pembelajaran berpusatkan kanak-kanak memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran mereka.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak bukan sahaja membantu kanak-kanak dari segi pemahaman, malahan ianya juga dapat membantu kanak-kanak untuk lebih mudah mengingat apa yang telah dipelajari. Semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak, guru akan memberikan tugas tertentu kepada kanak-kanak sama ada dalam bentuk kumpulan mahupun individu. Pelbagai kaedah dan pendekatan PdP yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk menarik minat kanak-kanak terlibat aktif di dalam aktiviti PdP. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan aktiviti PdP yang dapat membentuk kemenjadian kanak-kanak. Oleh sebab itu, pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak perlu diberikan perhatian sepenuhnya dan harus difahami oleh guru Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) agar ianya mudah dilaksanakan dan akan sentiasa diamalkan oleh guru TADIKA.

Secara umumnya, di negara kita terdapat pelbagai agensi yang telah menubuhkan institusi PAKK sama ada ditubuhkan oleh agensi kerajaan, agensi swasta mahupun persendirian. Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) KEMAS merupakan salah satu institusi PAKK yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan dan dikelola oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JKM) di bawah naungan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Guru TABIKA KEMAS juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama beranjak ke paradigma baru terutamanya dari aspek kaedah PdP, pendekatan PdP dan penggunaan ABM semasa mengajar. Oleh itu, kajian ini meneroka tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah PdP, pendekatan PdP dan penggunaan ABM semasa guru mengajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya ingin meneroka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan Semenanjung Malaysia.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Meneroka kaedah yang kerap digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak.
2. Mengenal pasti pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru TABIKA KEMAS.
3. Mengenal pasti BBM yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Dalam kajian ini, persoalan yang dikaji ialah tentang proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Kajian difokuskan kepada mengenal pasti kaedah, pendekatan dan BBM yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpulkan seberapa banyak data deskriptif bagi memperoleh gambaran sebenar mengenai pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak. Pengkaji-pengkaji kualitatif biasanya bergantung kepada ketiga-tiga kaedah ini bagi mengumpulkan maklumat iaitu; (a) Pemerhatian, (b) temu bual dan (c) bukti dokumen (Bogdan & Biklen 2003; Merriam 1988; Spradley 1980). Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan kaedah temu bual sahaja dan data telah mencukupi. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kaedah kajian kes adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk kajian ini, sepertimana saranan Merriam (1998) yang mengatakan bahawa kajian kes adalah untuk memahami secara mendalam sesuatu situasi dan memberi makna kepada yang terlibat. Kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Analisis terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ini nanti meneroka tentang kaedah, pendekatan dan BBM yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini pengkaji tidak akan membuat sebarang generalisasi, kerana kajian ini hanya tertumpu kepada sekumpulan guru TABIKA KEMAS yang mengajar di sekitar Zon Selatan Semenanjung Malaysia. Menurut Chua (2006) penyelidikan kualitatif tidak tertakhluk kepada membuktikan hipotesis dan teori pada awal kajian tetapi penyelidikan berkembang semasa kajian dijalankan. Subjek kajian kes merupakan individu tunggal atau sekumpulan individu tertentu dan bukan merupakan subjek sampel kajian yang dipilih secara rawak dari sesuatu populasi. Ia merupakan subjek dalam satu kes khusus yang dikaji, iaitu hasil kajian hanya menerangkan ciri-ciri subjek tersebut dan tidak digunakan untuk membuat generalisasi kepada mana-mana populasi. Walaupun tidak boleh digeneralisasikan, namun dapatan daripada kajian ini boleh menjadi maklumat berguna kepada pihak pengurusan kurikulum, guru dan ibu bapa kepada murid yang mempunyai masalah yang sama dengan subjek dalam kajian ini. Justeru, peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data adalah terdiri daripada guru yang mengajar di TABIKA KEMAS sekitar Zon Selatan Semenanjung Malaysia. Seramai lima orang guru TABIKA KEMAS telah dipilih menjadi peserta kajian. Peserta kajian adalah pakar kepada yang sedang dikaji oleh penyelidik kerana mereka terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat tiga objektif yang tercapai daripada kajian yang dijalankan. Kesemua objektif ini dibincangkan secara mendalam dengan membuat perbandingan daripada kajian dan teori yang sebelumnya.

### Objektif 1

Meneroka kaedah yang kerap digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak.

**Jadual 1.1:** Kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak

Kaedah PdP	Dapatan Data Temu Bual
Pembelajaran Kolaborasi	<p><i>“macam aktiviti sosial emosi itu kan. Saya akan membahagikan kanak-kanak ini kepada kumpulan. Mereka ini suka menjalankan aktiviti tersebut bersama kawan- kawan yang lain” (T1.G.01).</i></p> <p><i>“kita kenal nombor ke, just kita tengok pada budak tu kita tumpukan kepada kumpulan mereka. Kalau duduk dalam kumpulan senang untuk kita berikan tumpuan dan kawal mereka ini. Mereka boleh belajar bersama-sama sebab ada kawan-kawan yang dah pandai mereka boleh ajar kawan-kawan yang masih tidak tahu lagi” (T1.G.02).</i></p> <p><i>“Saya selalu bagi mereka ini dalam group supaya boleh belajar bersemasama. Kalau macam buat aktiviti projek saya memang akan bahagikan mereka ikut kumpulan. Kalau kanak-kanak belajar dalam kumpulan senang kita nak kawal sebab biasa saya akan suruh kanak-kanak ini lantik la ketua mereka” (T2.G.03).</i></p> <p><i>“Saya akan bahagikan mereka ni dalam kumpulan. Kalau macam ada budak yang dah pandai dia boleh la bantu kawan-kawan dia ni. Saya selalu bagi mereka buat aktiviti dalam kumpulan.” (T3.G.04).</i></p> <p><i>“Masa mengajar saya ada juga bahagikan mereka dalam group. Contoh macam ajar tunjang social emosi. Mereka buat aktiviti main-main macam drama. Mereka buat dalam group”. (T4.G.05).</i></p>
Pembelajaran Secara Hands-On	<p><i>“Macam belajar subjek sains, saya akan laksanakan aktiviti yang melibatkan hand on. Mereka boleh sentuh dan teroka sendiri la..” (T1.G.01).</i></p> <p><i>“Saya ada guna pembelajaran hand on dan ianya membantu saya dalam menyampaikan pengajaran sebab kanak-kanak ini akan seronok buat kerja. Sebab jari tangan mereka semua bergerak”. (T1.G.02).</i></p> <p><i>“Kita memang ada guna kaedah hands on. Kita bagi kanak-kanak ini buat sendiri tapi kita pantau la. Aktiviti macam aktiviti di dalam projek, mereka meneroka sendiri la. Macam saya ajar tunjang sains. Mereka buat experiment tentang pembentukan wap air” (T2.G.03).</i></p> <p><i>“Saya selalu galakkan kanak-kanak ini untuk meneroka sendiri persekitaran mereka. Saya bagi bahan dan biar mereka meneroka.</i></p> <p><i>Macam mengajar buah-buahan. Bagi mereka meneroka sendiri..mereka pegang la”. (T3.G.04).</i></p> <p><i>“Zaman dulu lah zaman saya lah tapi zaman sekarang dah ada tukar lepas itu dia ada lebih kepada budak itu sendiri yang buat tapi kita pantau la juga mereka. Macam saya buat aktiviti membentuk pelangi guna buih sabun. Bagi mereka buat la sendiri’. (T4.G.05).</i></p>

Jadual 1.1 diatas menunjukkan dapatan data tentang kaedah PdP yang kerap dilaksanakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak. Secara keseluruhannya, tinjauan dari aspek kaedah PdP mendapati bahawa para peserta kerap melaksanakan kaedah pembelajaran secara kolaborasi dan pembelajaran secara *hands-on* semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak di dalam bilik darjah. Kaedah PdP kolaborasi memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk bekerjasama dengan rakan sebaya sepanjang aktiviti PdP berlangsung. Penyelidik berpendapat bahawa guru TABIKA KEMAS tidak melaksanakan pelbagai kaedah PdP. Peserta hanya melaksanakan beberapa kaedah PdP sahaja sedangkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) guru TABIKA KEMAS disarankan untuk menggunakan pelbagai kaedah PdP.

## Objektif 2

Mengenal pasti pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru TABIKA KEMAS.

**Jadual 1.2:** Pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	Dapatan Data Temu Bual
Pendekatan Bermain Sambil Belajar	<p>“Aktiviti kita tidak boleh fokus kepada...rate always, right? Macam bermain sambil belajar. So from that they are learn a lots.” (T1.G.01).</p> <p>“Kalau kita dia lebih suka kepada pembelajaran kita dorong kepada pembelajaran Kalau kita paksa dia saya rasa pada pendapat lah susah benda dia tidak suka kita suruh. Tapi kita ada juga bermain sambil belajar. Dalam keseronakan mereka ini kita dapat juga memberikan ilmu kepada mereka...” (T2.G.03).</p> <p>“aktiviti belajar sambil bermain ini memang saya ada laksanakan lah. Bagi saya ianya membantu saya sebab kanak-kanak suka bermain. Semasa bermain itu mereka dapatlah ilmu pengetahuan. Misalnya mereka belajar matematik. Saya buatlah permainan yang melibatkan nombor. Mereka senang nak kenal nombor 0-10 la”. (T3.G.04).</p> <p>“Kalau di sekolah kami, dari segi akademik. kami tak semestinya fokus untuk belajar sahaja, sebab setiap apa yang kita ajar tu kita akan cuba aplikasikan setiap aktiviti itu, seperti contoh, mata pelajaran Bahasa melayu, kita akan bahagikan dalam kumpulan dan for those yang dapat jawapan dia, diorang datang ke hadapan, untuk (membaling dadu word tu, dan cuba untuk menyambungkan dadu tu untuk membentuk perkataan), dia akan mix la benda tu, kalau matematik, guna benda maujud. adi ada juga la saya guna pendekatan bermain ni. Sebab kanak-kanak kita pun tahu. Mereka bukan boleh fokus kalau kita fokus kepada belajar sahaja.tengok buku atau menulis sahaja”. (T4.G.05).</p>
Pendekatan Bertema	<p>“untuk kesesuaian aktiviti tu, kita ikut subjek. Kita ikut tema dia laaa...jadi depends kita la asalkan tidak lari dari tema...” (T1.G.01).</p> <p>“kalau tema macam Hari Raya, dia tahu cerita pasal Hari Raya..makan apa.Hari Raya kita Kena buat apa? kita ajar ikut tema la seperti yang ditetapkan oleh sekolah.”(T1.G.02).</p> <p>“Kita mengajar memang ikut tema. Tema ini memang sudah dirancang pada awal tahun lagi. Kita mengajar tidak boleh lari daripada tema la.” (T2.G.03).</p> <p>“kita perkenalkan lah dari bertutur, budaya, makanan tradisional sesuatu kaum,permainan tradisional dan kita ajar ikut tema. Macam bulan ini tema perayaan, kita ajar mereka tentang perayaan la.kenalka kepada mereka..ajak mereka buat aktiviti macam kita anyam ketupa. Kita ajar memang ikut tema dan tema setiap minggu tu tak sama lat” (T3.G.04).</p> <p>“Ya ada kita mengajar kena ikut tema la. Tema dia tidak sama pada setiap minggu. Macam minggu ini tema budaya, minggu depan tema lain pula.” (T4.G.05).</p>

Pendekatan Projek	<p>“Saya ada bagi kanak-kanak membuat projek..biasanya semasa mengajar subjek sains. Contoh buat projek berkaitan dengan habitat haiwan”. (T1. G.01).</p> <p>“Selalu juga kami laksanakan aktiviti projek bersama dengan kanak-kanak. Mereka suka dan seronok bila membuat aktiviti macam tu.” (T1.G.02).</p> <p>“Saya ada melaksanakan pendekatan projek. Biasa saya bagi mereka kepada group. Macam aktiviti projek yang kita jalankan seperti menanam tumbuhan-tumbuhan seperti bunga di sekitar kawasan TADIKA. Budak-budak suka buat aktiviti macam ini. Dari situ mereka kenal la daun, pokok, dan bunga. Melalui membuat projek ini kanak-kanak boleh memberikan fokus sepenuhnya semasa belajar.” (T2.G.03).</p> <p>“Selalu juga saya melaksanakan aktiviti projek di sekolah. Kanak-kanak buat di dalam kumpulan. Kalau buat aktiviti projek kami akan libatkan semua kanak-kanak dan mereka seronok”. (T3.G.04).</p> <p>“macam saya, kami ada buat aktiviti projek. Saya suruh kanak-kanak untuk tanam bijih benih kacang hijau. Saya bagi mereka dalam kumpulan. Mereka suka buat aktiviti ini. Boleh ajar mereka tentang air dan matahari.”(T4.G.05).</p>
----------------------	---

Jadual 1.2 menunjukkan dapatan kajian untuk menjawab objektif kajian kedua iaitu mengenal pasti pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru TABIKA KEMAS. Dapatan kajian menunjukkan guru TABIKA KEMAS melaksanakan tiga jenis pendekatan PdP iaitu pendekatan bermain sambil belajar, pendekatan bertema dan pendekatan projek. Ketiga-tiga pendekatan PdP iaitu kerap dilaksanakan oleh peserta. Namun demikian, penyelidik berpendapat guru TABIKA perlu mempelbagaikan pendekatan PdP seperti mana yang terkandung di dalam KSPK 2017. Daripada kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa peserta kajian kurang memahami cara untuk melaksanakan pendekatan PdP yang lain menyebabkan mereka hanya tertumpu kepada beberapa pendekatan PdP sahaja.

### **Objektif 3**

Mengenal pasti BBM yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak.

**Jadual 1.3: BBM**

<b>BBM</b>	<b>Dapatan Data Temu Bual</b>
BBM Elektronik	<p>“Untuk mengajar macam selawat, kita buka CD. Kita guna juga laptop supaya kanak-kanak boleh dengar selawat. Nanti mereka pun akan tiru sama. Kita ada juga gunaprojektor. Tayangkan cerita-cerita kat kanak-kanak. Mereka suka”. (T1.G.01).</p> <p>“ada saya guna. .saya guna laptop untuk buka lagu yang berkaitan dengan topik yang saya ajar. Saya buka dan pancarkan dekat screen tu. Sambil mereka mengenal suku kata mereka nyanyi la..kanak-kanak ini suka aktiviti macam ini.’ (T1.G.02).</p> <p>“Saya ada juga guna BBM elektronik. Macam saya guna laptop untuk buka lagu.saya juga ada guna laptop untuk buka video bagi kanak-kanak ni tengok.” (T2.G.03).</p> <p>“Ade je kami guna teknologi untuk mengajar. Macam laptop. Tapi cikgu punya sendiri la sebab pihak sekolah tidak bagi. Kalau macam hari itu saya ajar tema haiwan. Saya buka internet dan bagi kanak-kanak ini tengok jenis-jenis haiwan. Saya pacarkan kat dinding.” (T3.G.04).</p> <p>“Saya ada guna teknologi untuk mengajar. Sebab sekarang zaman teknologi kena lah dedahkan. Saya guna laptop dan speaker. Macam bulan ini tema kami perayaan di Malaysia. Saya gunakan laptop untuk tunjukkan video kepada kanak-kanak tentang jenis-jenis perayaan di Malaysia macam hari raya, tahun baru cina, depavali dan lain-lain lagi la. Sebab kalau kita tunjuk gambar saja tidak cukup. Kanak-kanak suka kalau tengok video.” (T4.G.05).</p>

BBM Bukan Elektronik	<p>“Kena ikut la juga subjek. Saya guna juga BBM yang saya buat sendiri. Kadang-kadang saya akan melibatkan kanak-kanak sendiri untuk sama-sama membuat BBM seperti piramid makanan.” (T1.G.01).</p> <p>“Di TADIKa memang dah ada BBM lain yang dibekalkan oleh pihak Kemas. Kadang-kadang saya buat sendiri ABM macam kad gambar.” (T1.G.02).</p> <p>“Saya biasa akan buat sendiri BBM tersebut atau guna flash card dan tunjukkan gambar kepada kanak-kanak.” (T2.G.03).</p> <p>“Saya juga ada menggunakan flash card atau kad bergambar. Biasa saya guna ni untuk ajar macam subjek Bahasa Melayu.” (T3.G.04).</p>
BBM Jenis Maujud	<p>“Kadang-kadang saya bawa BBM yang betul-betul. Bahan maujud la. Macam contoh saya ajar sayur-sayuran. Saya bawa la sayur yang betul macam sawi, timun, peria, tomato dan lain-lain la.” (T1.G.01).</p> <p>“Saya bawa sendiri BBM dan bagi kanak-kanak tengok. Macam tema buah-buahan, saya bawa buah-buahan yang betul” (T1.G.02).</p> <p>“Kalau macam BBM tersebut boleh dibawa saya akan bawa yang betul-betul. Contoh semasa mengajar haiwan. Saya boleh bawa ikan yang betul-betul bagi kanak-kanak tengok ciri-ciri yang terdapat pada seekor ikan.” (T2.G.03).</p> <p>“Saya bagi mereka main pasir. Biar kanak-kanak ini merasa sendiri tekstur pasir tu macam mana. Biar mereka sentuh pasir yang sebenar”. (T3.G.04).</p> <p>“saya gunakan juga bahan maujud. Macam untuk ajar matematik. Saya bawa bahan yang betul.. Ya ada..saya ada juga gunakan bahan sebenar sebagai BBM macam ajar sains. Saya bawa masuk kelas. Bagi kanak-kanak ni sentuh-sentuh atau hidu”.(T4.G.05).</p>

Jadual 1.3 di atas merupakan hasil temu bual dengan peserta kajian berkaitan dengan penggunaan BBM yang digunakan semasa PdP berpusatkan kanak-kanak. Daripada kajian ini telah didapati peserta kajian menggunakan tiga jenis BBM iaitu BBM jenis elektronik, BBM jenis bukan elektronik dan BBM jenis maujud. Daripada kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa peserta kajian telah menggunakan BBM dalam proses melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak. Namun begitu, BBM yang ada masih lagi tidak mencukupi. Keadaan ini diakui oleh peserta kajian yang berpendapat bahawa untuk meningkatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah BBM.

## **CADANGAN DAN PERBINCANGAN**

Terdapat beberapa cadangan yang boleh diusulkan setelah selesainya kajian ini. Antaranya, guru perlu bijak dalam memilih pendekatan PdP yang sesuai digunakan supaya dapat memberikan keseronokkan kepada kanak-kanak semasa belajar. Dalam KSPK telah mengariskan beberapa pendekatan PdP yang boleh dilaksanakan oleh guru TADIKa. Antaranya adalah pendekatan berasaskan projek, pendekatan mastery, pendekatan bermain, pendekatan bertema dan sebagainya. Pembelajaran yang menggunakan pendekatan berasaskan projek merupakan satu pendekatan pengajaran yang melibatkan kanak-kanak menjalankan sesuatu projek. Menurut Alizah (2015) pembelajaran yang berasaskan projek umumnya mempunyai ciri-ciri seperti berpusatkan kanak-kanak, boleh mengembangkan pelbagai kemahiran, melibatkan pembelajaran yang aktif, melibatkan beberapa disiplin lain atau multidisiplin serta melibatkan kerja di dalam kumpulan. Seterusnya, kajian ini boleh menfokuskan kepada inovasi pengajaran dan pembelajaran tertentu yang boleh membantu meningkatkan lagi kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah.

Dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa peserta kajian hanya menggunakan beberapa kaedah PdP sahaja. Perkara ini menunjukkan bahawa guru kurang kreatif merancang pelbagai kaedah PdP. Proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak memerlukan guru untuk menggunakan pelbagai kaedah PdP agar dapat menarik minat kanak-kanak mengikuti aktiviti PdP. Lazimnya, pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Di dalam PdP berpusatkan kanak-kanak, mereka diberi peluang untuk memilih pengetahuan yang ingin mereka pelajari. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan dalam konteks PdP berpusatkan kanak-kanak. Antaranya termasuklah kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), kaedah inkuiri, koperatif dan pelbagai kaedah PdP lain yang boleh dilaksanakan oleh guru. Semua kaeda

pengajaran tersebut dapat memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk memainkan peranan penting mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana kaedah pengajaran inkuiri merupakan proses PdP yang membentuk persoalan, mencari, menyusun dan menilai maklumat, menyiasat sesuatu fenomena berdasarkan kepada hipotesis, membuat eksperimen, penyiasat, mengumpul, menganalisis, mensintesis data dan menyampaikan dapatan dan kesimpulan (Ina Yulia, 2019). Berdasarkan takrifan tersebut, kaedah pengajaran inkuiri lebih sesuai dalam mata pelajaran sains. Oleh itu, guru TADIKA boleh menggunakan kaedah inkuiri ketika mengajar subjek sains dalam melaksanakan PdP yang berpusatkan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, kaedah inkuiri ini juga sesuai dilaksanakan dalam disiplin ilmu yang lain sekiranya guru bijak menyesuaikan kaedah inkuiri berdasarkan kepada topik yang dipelajari. Selain itu, pembelajaran kolaborasi juga turut berkait rapat dengan PdP berpusatkan kanak-kanak. Pembelajaran kolaborasi merupakan satu kaedah pengajaran yang melibatkan kanak-kanak membentuk satu kumpulan atau pasukan dan mereka bertanggungjawab antara satu sama lain dan bersama-sama menyelesaikan tugas yang diberikan (Rudi Suryadi & Amp; Aguslani Mushlih, 2019).

Seterusnya, pendekatan pembelajaran masteri merupakan salah satu daripada pendekatan PdP yang disaran dan disenaraikan oleh KPM di dalam KSPK 2017 sebagai pendekatan PdP yang boleh dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah. Pembelajaran masteri merupakan pendekatan PdP bagi memastikan semua kanak-kanak menguasai hasil pembelajaran yang diharapkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum ke unit pembelajaran seterusnya (Salinah Ja'far, Mary Subet & Amp; Azwan Pawi, 2018). Pembelajaran masteri tidak memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kandungan pengajaran, sebaliknya tertumpu kepada proses untuk menguasainya. Hal ini dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar mengikut keupayaan mereka sendiri, menilai kemajuan kanak-kanak serta menyediakan pemulihan dan menguji untuk melihat kriteria pembelajaran yang telah dicapai atau yang masih belum dicapai.

Manakala, pendekatan bermain pula merupakan pendekatan PdP yang digalakkan oleh KPM sebagai pendekatan yang sesuai dilaksanakan oleh guru. Menurut Lu Chung Cin dan Zakaria (2015), kanak-kanak melihat bermain ini sebagai satu kerja di dalam kehidupan mereka. Maka guru TADIKA digalakkan untuk melaksanakan pendekatan bermain semasa menjalankan proses PdP. Pendekatan bermain ini menjadi salah satu alternatif yang berpotensi membantu guru dalam proses pelaksanaan aktiviti PdP di dalam bilik darjah. Pendekatan pembelajaran ini adalah digalakkan di peringkat prasekolah (Norliza Ahmad, 2016). Selain itu, pendekatan pengajaran bertema juga turut digariskan di dalam KSPK 2017 dan digalakkan untuk dilaksanakan oleh guru TADIKA. Pendekatan bertema merupakan pendekatan PdP yang berpandukan kepada tema-tema tertentu sebagai topik pengajaran yang perlu disampaikan oleh guru kepada kanak-kanak. Pengajaran yang menggunakan pendekatan bertema memberikan tumpuan kepada tema-tema yang telah dirancang oleh guru.

Disamping itu, pemilihan BBM memainkan peranan yang penting sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini kerana semasa melaksanakan PdP yang berpusatkan kanak-kanak, guru juga perlu kreatif memilih BBM yang sesuai untuk mewujudkan suasana PdP yang efektif. Secara umumnya, BBM dikategorikan kepada tiga jenis iaitu BBM berbentuk elektronik, bukan elektronik dan BBM berbentuk bahan maujud. Antara BBM berbentuk elektronik iaitu seperti radio, projektor, televisyen, video dan alat yang berbantuan komputer. Manakala majalah, model, kad imbasan, jurnal dan gambar yang berkaitan dengan PdP merupakan BBM jenis bukan elektronik (Musa & Amp; Mohamad, 2014). BBM yang berbentuk bahan maujud merupakan bahan sebenar yang digunakan oleh guru sebagai BBM. Misalnya, menggunakan buah-buahan yang sebenar untuk mengajar kanak-kanak berkaitan dengan topik buah-buahan. Penggunaan BBM dalam proses PdP adalah untuk membantu dan memudahkan guru untuk menyampaikan isi pelajaran kepada kanak-kanak.



## KESIMPULAN

Pengajaran berpusatkan kanak-kanak merupakan salah satu cara meningkatkan penglibatan kanak-kanak di dalam bilik darjah. Malah, pengajaran berpusatkan kanak-kanak juga bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak menghasilkan idea yang menarik, membina ilmu serta menambahkan keyakinan diri kanak-kanak. Oleh itu, pemilihan kaedah dan pendekatan PdP serta BBM yang kreatif memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan proses PdP di dalam bilik darjah berjalan dengan lancar. Justeru, amalan pengajaran kreatif dianggap baik dan berkesan apabila guru mampu menguasai pelbagai kaedah dan pendekatan PdP serta menyediakan BBM yang menarik minat kanak-kanak. Selain itu, guru juga berperanan untuk melonjakkan kualiti pendidikan negara ke tahap bertaraf dunia. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan yang bersesuaian mengikut peringkat umur, bermakna dan menyeronokkan dalam pembelajaran mereka.

## RUJUKAN

- Alizah Lambri. (2015). Pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus Bahasa Melayu di sebuah universiti awam. Perak, Malaysia. Thesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bogdan R.C. & Biklen S. K. (2003). *Qualitative Research For Education. An Introduction to Teories and Methods*. 4<sup>th</sup> ed. Unted State of America: Group Inc.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Thesis (1<sup>st</sup> ed)*. Kaedah: UUM Pess.
- Ina Yulia. (2019). Penerapan Model Pembelajaran Inkuiri Untuk Meningkatkan Kreativitas Belajar Pada Anak Usia 5-6 Tahun Di Ra Al Barkah Cinta Rakyat Percut Sei Tuan Tahun Ajaran 2018-2019. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lu Chung Chin, & Zakaria, E. (2015). Effect of Game-Based Learning Activities on Children's Positive Learning and Prosocial Behaviours. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 159-165.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study research in Education: A Qualitative Approach*. Carlifornia: Josey-Bass Inc.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Musa, N. E & Mohamad, M.H. (2014). Keberkesanan Penggunaan Alat BBM Dalam Pelaksanaan Kursus Sains Kejuruteraan di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Tuanku Sulatanah Bahiyah. Prosiding PTBS. Politeknik Tuanku Sulatanah Bahiyah.
- Norliza Ahmad. (2016). Pemahaman Guru Prasekolah Tentang Konsep Belajar Melalui Bermain dan Cara Kanak-kanak Belajar di Pasekolah. Selangor, Malaysia. Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Elyani Musa & Minarnie Hadzira Mohamad. (2014). Keberkesanan Penggunaan Alat BBM Dalam Pelaksanaan Kursus Sains Kejuruteraan di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rudi Suryadi & Aguslani Mushlih. (2019). *Desain Perencanaan & pembelajaran*. Yogyakarta, Indonesia. Penerbitan Deepublish.
- Salinah Ja'afar, Mary Subet & Azman Pawi. (2018). *Pengajaran Bahasa, budaya dan pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.